





DAFTAR DIRI... Suasana di bilik pendaftaran para pelajar.



PANTAU... Encik Sirahim sedang memantau proses pendaftaran.

NST 6.3.18 7

217 pelajar ikuti pascasiswazah di UMS



TAKLIMAT... Hajah Arsiah sedang memberikan penerangan di majlis itu.

KOTA KINABALU: Pendaftaran pelajar baharu pascasiswazah UMS pada 24 Februari lalu menyaksikan seramai 217 orang pelajar mengikuti pengajian pascasiswazah.

Daripada jumlah tersebut seramai 160 orang mengikuti kaedah penyelidikan sepenuh masa, manakala 57 orang lagi mengambil pengajian sarjana secara kerja kursus menerusi Pusat Luar UMS (PLUMS).

Pada semester kali ini seramai 79 pelajar berdaftar sebagai pelajar Doktor Falsafah di pelbagai Fakulti dan Institut di UMS. Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah, Profesor Dr Hajah Arsiah Hj Bahron mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar baharu ini semasa Sesi Pengenalan Pusat Pengajian Pascasiswazah yang diadakan pada 26 Februari di Dewan Kuliah Perdana 18 UMS.

Dalam ucapan aluannya Arsiah menekankan pentingnya para pelajar mengikuti kursus-kursus pengenalan kaedah penyelidikan bagi membolehkan mereka memulakan pengajian secara teratur dan berfokus.

Kursus metodologi penyelidikan selama seminggu diwajibkan kepada para pelajar baharu bagi memastikan mereka mengetahui beberapa perkara asas yang penting.

Selain itu, Arsiah juga mengingatkan para pelajar yang mengikuti pengajian sepenuh masa agar berusaha mendisiplinkan diri mereka berada di dalam kampus secara berjadual. Kepada para pelajar yang mendapat cuti belajar dari majikan, beliau turut berkongsi pengalaman beliau sewaktu menjadi pelajar pascasiswazah dahulu.

Menurutnya, para pelajar perlu faham maksud "cuti belajar", yakni cuti dari bekerja untuk belajar sekurang-kurangnya mengikut masa sepertimana sewaktu mereka bekerja. Dengan hal yang demikian, para pelajar akan dapat menyelesaikan pengajian mereka mengikut perancangan masa yang telah ditetapkan.

Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa), PM Dr Fauziah Sulaiman pula menyentuh mengenai beberapa prosedur dan tatacara akademik yang wajib diketahui oleh para pelajar bagi membolehkan urusan perjalanan pengajian mereka berjalan lancar.

Ini adalah kerana terdapat beberapa kes pada masa yang lepas para pelajar tidak mengambil endah mengenai urusan-urusan berkaitan dengan pengajian mereka. Akibatnya, pelajar menghadapi masalah dalam kelancaran pengajian mereka.

Timbalan Dekan Kebajikan Pelajar Dr. Jakaria Dasan pula berkongsi maklumat mengenai beberapa peranan yang dimainkan oleh Seksyen Hal Ehwal Pelajar (SHEPA).

Selain mengurus Skim Bantuan Pascasiswazah, SHEPA bertanggungjawab memantau kebajikan pelajar pascasiswazah menerusi pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh Persatuan Pelajar Pascasiswazah UMS atau dikenali dengan nama singkatannya, PSA.

PSA merupakan persatuan pelajar pascasiswazah yang di-

tadbir oleh Pusat Pengajian Pascasiswazah bagi melaksanakan pelbagai hal-hal akademik dan bukan akademik pelajar.

Dengan kata lain, PSA diberikan kepercayaan untuk mewujudkan satu suasana pembelajaran yang seimbang yang memacu intelek, rohani dan sosial.

Jakaria mengingatkan para pelajar yang bercuti belajar agar bersedia untuk menukar mode diri mereka menjadi pelajar. Pengajian pascasiswazah adalah bersandarkan penyelidikan yang rinci dan bersistem. Justeru, apa jua pengalaman kerja yang mereka ada selama ini tidak semuanya boleh membantu pengajian mereka kelak. Namun, pengalaman itu sangat membantu jika mereka tekun mengikuti dan menguasai teknik penyelidikan yang betul.

Semasa majlis pendaftaran Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof Dr Rasid Hj Mail turut menyambut kedatangan pelajar baharu ke UMS.

Menurut Rasid, UMS pada ketika ini sedang giat meningkatkan kebitaraan ilmu pelajar pascasiswazahnya dengan melakukan pelbagai pendekatan baharu. Antaranya ialah dengan memperkukuhkan kembali jaringan pelajar-pelajar pascasiswazah dalam kalangan institusi pengajian tinggi di Borneo.

"Pada pertengahan bulan Januari 2018, saya telah mewakili Naib Canselor UMS ke mesyuarat Borneo Studies Council yang diadakan di Universiti Brunei Darussalam. Dalam mesyuarat tersebut UNIMAS telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Kolokium Pelajar Pascasiswazah Borneo.

Antara lain, Kolokium ini kelak bukan sahaja akan berupaya memastikan kelancaran proses pengajian para pelajar, bahkan juga mampu menjaring hubungan keilmuan pascasiswazah dalam kalangan para pelajar dan ahli akademik universiti-universiti di Kepulauan Borneo," kata Rasid.

UMS dibawah pentadbiran Naib Canselor kelimanya, Prof Datuk Dr D. Kamarudin D. Mudin, sentiasa berusaha menjadikan UMS sebagai salah sebuah universiti komprehensif yang turut memberi keutamaan kepada aktiviti-aktiviti penyelidikan ahli-ahli akademik dan pelajar pascasiswazahnya. Dalam hubungan ini, UMS telah mengambil langkah proaktif dengan mula mempopularkan konsep universiti pintar yang dikenali sebagai "SMART UMS 4.0." Pendekatan baharu ini adalah selaras dengan usaha untuk menjayakan aspirasi kerajaan menjadi negara digital.

Menurut D. Kamarudin prasarana pembelajaran abad ini tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada fasiliti kekal seperti dewan kuliah dan bilik tutorial. Dimana ada talian internet, di situ aktiviti pembelajaran boleh dilakukan. Inilah yang dikenali sebagai "global classroom."

Para pensyarah dan mahasiswa-mahasiswi perlu mensesuaikan diri dengan perubahan yang sedang berlaku pantas ini. Ia bukan sahaja menjamin kelestarian UMS dan graduannya dalam pasaran global tetapi memastikan program pengajian yang ditawarkan sentiasa relevan dengan aspirasi pembangunan negeri dan negara, sesuai dengan plan strategik TN50.

